

PETRONAS Yamaha Sepang Racing kini satu jenama

AHAD 26/8/18, BH, MMS 67



Razlan bersama barisan pelumba dan pegawai PYSR dan PETRONAS Sepang Racing.

Silverstone: Pasukan pertama negara dalam kelas MotoGP musim depan bakal dikenali sebagai PETRONAS Yamaha Sepang Racing (PYSR) manakala Moto2 dan Moto3 adalah PETRONAS Sepang Racing.

Ketua Pegawai Eksekutif Litar Antarabangsa Sepang (SIC), Datuk Razlan Razali mengumumkan nama berkenaan selepas satu sidang media bagi mengumumkan PETRONAS sebagai penaja utama bagi ketiga-tiga kelas perlumbaan disertai itu.

Sidang media turut mengumumkan barisan pelumba dengan Moto2 menyaksikan Khairul Idham Pawi yang bersama pasukan IDEMITSU

Honda Team Asia ketika ini bakal menggantikan pelumba Finland, Niki Tuuli, musim depan.

Razlan juga mendedahkan kelima-lima senarai pelumba ini menandatangani kontrak selama dua tahun tetapi bergantung kepada prestasi.

Adam usah risau

“Dua tahun tetapi bergantung kepada prestasi. Sekiranya prestasi seseorang itu tidak bagus dan Khairul nampak lebih baik, tak mustahil yang kita boleh menggantikannya dengan pelumba itu ke (kelas) MotoGP,” kata Razlan.

Sementara itu, mengulas tentang

pelumba Moto3 negara, Adam Norrodin yang dikeluarkan daripada pasukan dan akan menyertai Kejuaraan Remaja di Sepanyol (CEV) dalam kelas Moto2, Razlan berkata: “Dia akan bersama pasukan SIC (di CEV).

“Ini bukan bermakna yang semuanya sudah berakhir baginya. Saya faham dia kecewa tetapi saya berharap dia menggunakan kes ini sebagai motivasi.

“Saya amat bimbang dengan mentaliti atlet Malaysia, apabila terlalu kecewa, susah untuk mereka bangkit. Jadi kami memberikan motivasi kepadanya dan CEV Moto2 adalah kariernya musim depan.”

Info

**Senarai pelumba
PETRONAS
Yamaha
Sepang Racing
musim 2019**

MotoGP

→ **Franco Morbidelli**
- Itali

→ **Fabio Quartararo**
- Perancis

Moto2

→ **Khairul Idham Pawi**

Moto3

→ **Ayumu Sasaki**
- Jepun
→ **John McPhee**
- Scotland

CEV Moto2

→ **Adam Norrodin**